



**KATA PINJAMAN ARAB DALAM BAHASA TURKI MODEN DAN
BAHASA MELAYU: PENGEKALAN DAN ANJAKAN SEMANTIK
DALAM BIDANG AGAMA DAN PENTADBIRAN**

**[ARABIC LOANWORDS IN MODERN TURKISH AND MALAY:
SEMANTIC RETENTION AND SHIFT IN RELIGIOUS AND
ADMINISTRATIVE DOMAINS]**

Ahmad Azhan Kamarudin^{1,2} & Wan Abdul Hayyi Wan Omar^{2*}

¹Fakulti Pengajian Umum Dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: wahayyi@unisza.edu.my

Received: 18/1/2026

Revised: 17/2/2026

Accepted: 14/3/2026

Published: 31/3/2026

Abstrak

Kata pinjaman Arab merupakan salah satu lapisan leksikal terpenting dalam bahasa Turki, hasil hubungan tamadun Islam yang berpanjangan sejak era Abbasiyah hingga kemuncak Empayar Uthmaniyah. Revolusi Huruf 1928 (Harf Devrimi) dan gerakan pembaharuan bahasa (Öztürkçe) sering ditanggapi telah Berjaya memutuskan pengaruh tersebut, namun tanggapan ini belum diuji secara sistematik menerusi perbandingan merentas dua bahasa penerima. Kajian ini mengenal pasti tahap pengekalan makna kata pinjaman Arab dalam domain agama dan pentadbiran leksikon Turki moden dan bahasa Melayu, meneliti mekanisme adaptasi fonologi dan ortografi yang mendasarinya, serta merumuskan pola anjakan semantik yang berimplikasi terhadap penterjemahan dan pengajaran bahasa. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif menerusi analisis kandungan kontrastif terhadap 60 item leksikal yang dipilih secara pensampelan bertujuan daripada Güncel Türkçe Sözlük selenggaraan Türk Dil Kurumu dan pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan menjadikan Al-Mu‘jam al-Wasīf sebagai rujukan sauh bagi makna sumber dan Nişanyan Sözlük sebagai sumber triangulasi etimologi. Dapatan menunjukkan 44 daripada 60 item mengekalkan makna sumber, manakala 16 item beranjak. Pengekalan memaparkan corak yang jelas mengikut domain: 34 daripada 37 item domain agama kekal, berbanding hanya 3 daripada 10 item domain pentadbiran, manakala 13 item merentas domain menduduki

kedudukan pertengahan. Perbandingan dengan bahasa Melayu mendapati bentuk pinjaman Melayu secara konsisten lebih hampir kepada bentuk sumber Arab berbanding bentuk Turki, sejajar dengan kehadiran beberapa kekangan fonotaktik dalam bahasa Turki yang tiada padanannya dalam bahasa Melayu. Dua pasangan berisiko tinggi kepada penterjemah dikenal pasti, iaitu Millet/Milat sebagai kognat palsu tulen dan Emanet/Amanah sebagai kognat tulen yang bercapah makna. Corak ini sejajar dengan hujah Haugen (1950) dan Matras (2009) bahawa leksikal berbeban budaya-sakral tinggi menduduki kedudukan paling stabil dalam hierarki kebolehpinjaman. Kajian ini menyumbang pemetaan leksikal Arab-Turki-Melayu bagi domain berkenaan, serta panduan praktikal kepada penterjemah dan pengajar bahasa mengenai potensi pemindahan positif dan perangkap semantik dalam kosa kata yang dikongsi.

Kata kunci: kata pinjaman Arab, pengekaln semantik, anjakan semantik, bahasa Turki moden, bahasa Melayu, kontak bahasa

Abstract

Arabic loanwords constitute one of the most significant lexical strata in Turkish, arising from prolonged contact with Islamic civilisation from the Abbasid era through the height of the Ottoman Empire. The 1928 alphabet reform (Harf Devrimi) and the language reform movement (Öztürkçe) are commonly assumed to have severed this influence, yet the assumption has not been systematically tested through comparison across recipient languages. This study identifies the degree of semantic retention of Arabic loanwords in the religious and administrative domains of the modern Turkish lexicon relative to Malay, examines the underlying mechanisms of phonological and orthographic adaptation, and formulates patterns of semantic shift bearing on translation and language teaching. The study adopts a qualitative descriptive design using contrastive content analysis of 60 lexical items selected through purposive sampling from the Güncel Türkçe Sözlük maintained by the Türk Dil Kurumu and the Dewan Bahasa dan Pustaka database, with Al-Mu‘jam al-Wasīf serving as the anchor reference for source meanings and Nişanyan Sözlük as a source of etymological triangulation. The findings show that 44 of the 60 items retain their source meaning while 16 have shifted. Retention displays a clear domain-based pattern: 34 of 37 religious-domain items are retained, against only 3 of 10 administrative-domain items, with 13 cross-domain items occupying an intermediate position. Comparison with Malay indicates that Malay loan forms remain consistently closer to their Arabic source forms than the corresponding Turkish forms, consistent with several phonotactic constraints operating in Turkish that have no counterpart in Malay. Two high-risk pairs for translators are identified: Millet/Milat as true false cognates and Emanet/Amanah as genuine cognates that have diverged. This pattern aligns with Haugen (1950) and Matras (2009) in indicating that lexical items carrying a high cultural-sacral load occupy the most stable position in the borrowability hierarchy. The study contributes an Arabic-Turkish-Malay lexical mapping for these domains, together with practical guidance for translators and language teachers on potential positive transfer and semantic pitfalls in shared vocabulary.

Keywords: Arabic loanwords, semantic retention, semantic shift, Modern Turkish language, Malay language, language contact

Cite as: Kamarudin, A.A. & Wan Omar, W.A.H. (2026). Kata pinjaman Arab dalam bahasa Turki moden dan bahasa Melayu: Pengekaln dan anjakan semantik dalam bidang agama dan pentadbiran [Arabic loanwords in modern Turkish and Malay: Semantic retention and shift in religious and administrative domains]. *Afaq Lughawiyyah*, 4(1), 139-162. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i1.216>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Interaksi antara bahasa Arab dan bahasa Turki bukan fenomena linguistik yang terasing, sebaliknya satu manifestasi kontak bahasa jangka panjang yang merentasi sejarah dari zaman Abbasiyah sehingga kemuncak Empayar Uthmaniyah (Lewis, 1999; Özkan, 2010). Sepanjang tempoh tersebut, bahasa Arab menduduki kedudukan prestij sebagai lingua franca ilmu, falsafah, dan teologi, sekali gus mencetuskan asimilasi leksikal yang meluas ke dalam struktur bahasa Turki.

Trajektori bahasa Turki berubah secara radikal selepas kejatuhan Empayar Uthmaniyah menerusi Revolusi Huruf 1928 (Harf Devrimi) dan gerakan pembaharuan bahasa (Öztürkçe). Dasar sekularisasi dan pembaharuan bahasa ini sering ditanggapi sebagai noktah kepada pengaruh Arab dalam jati diri bangsa Turki (Lewis, 1999). Namun, realiti linguistik memaparkan gambaran yang lebih kompleks: pengaruh leksikal Arab tidak lenyap secara menyeluruh, sebaliknya memaparkan pengekalan yang tidak seragam merentasi domain, bergantung kepada sejauh mana sesuatu domain terdedah kepada dasar perancangan bahasa berbanding kesinambungan institusi sosial dan keagamaan.

Kajian ini menambah satu dimensi perbandingan yang jarang digabungkan dalam literatur sedia ada, iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa penerima kedua bagi set kosa kata Arab yang sama. Hal ini kerana bahasa Melayu menerima lapisan leksikal Arab yang besar menerusi laluan Islamisasi yang berasingan daripada laluan Uthmaniyah, perbandingan Arab-Turki-Melayu membolehkan kajian ini memeriksa sama ada corak pengekalan dan anjakan yang dikesan dalam bahasa Turki bersifat sejagat, didorong oleh sifat asli kosa kata itu sendiri, atau spesifik kepada bahasa Turki, yang didorong oleh dasar bahasanya yang tersendiri. Reka bentuk perbandingan ini penting kerana kajian satu-bahasa tidak dapat memisahkan kedua-dua kemungkinan tersebut.

Bagi tujuan penilaian, kajian ini (i) mengenal pasti tahap pengekalan makna kata pinjaman Arab dalam domain agama dan pentadbiran leksikon bahasa Turki moden; (ii) meneliti mekanisme adaptasi fonologi dan ortografi yang mendasari pengekalan tersebut; (iii) merumuskan pola anjakan semantik kata pinjaman berkenaan serta implikasinya terhadap amalan penterjemahan; dan (iv) membandingkan taburan pengekalan tersebut dengan bahasa Melayu bagi menentukan sejauh mana corak yang dikesan bersifat khusus-bahasa berbanding sejagat. Selaras dengan itu, empat persoalan kajian dikemukakan. Pertama, sejauh manakah kata pinjaman Arab mengekalkan makna sumbernya dalam domain agama berbanding domain pentadbiran bahasa Turki moden? Kedua, apakah mekanisme adaptasi fonologi dan ortografi yang dilalui oleh kata pinjaman tersebut? Ketiga, apakah bentuk anjakan semantik yang berlaku dan apakah implikasinya terhadap penterjemahan? Keempat, bagaimanakah corak pengekalan dan adaptasi bahasa Turki berbeza daripada bahasa Melayu bagi set kosa kata Arab yang sama?

KAJIAN LITERATUR

Tinjauan ini disusun mengikut empat tema: trajektori sejarah kontak Arab-Turki, kerangka teori kontak bahasa dan hierarki kebolehpinjaman, kesan dasar perancangan bahasa terhadap domain tertentu, serta kedudukan perbandingan tiga bahasa dalam wacana sedia ada.

Trajektori Sejarah Kontak Arab-Turki

Hubungan antara bahasa Arab dan bahasa Turki tidak boleh dipisahkan daripada naratif penyebaran Islam di Asia Tengah dan Asia Kecil. Sepanjang era Abbasiyah hingga kemuncak Uthmaniyah, bahasa Arab berfungsi sebagai superstratum dalam hierarki intelektual; pendidikan bahasa dalam sistem persekolahan Uthmaniyah meletakkan bahasa Arab pada kedudukan teras (Özkan, 2010). Menurut Lewis (1999), bahasa Uthmaniyah (Osmanlıca) merupakan bentuk hibrid yang bergantung kepada leksikon Arab dan Parsi. Corak dominasi ini turut dikesan dalam bahasa bukan Semitik lain di rantau berkenaan; Nayab et al. (2022) menegaskan bahawa bahasa Arab memberi impak mendalam terhadap bahasa dan sastera Parsi menerusi laluan kontak keagamaan dan ilmiah yang setara. Persamaan corak ini menyokong tanggapan bahawa bahasa Arab berfungsi sebagai lingua franca intelektual serantau, namun ia tidak dengan sendirinya membuktikan bahawa mekanisme adaptasi yang sama beroperasi dalam bahasa Turki. Andaian tersebut memerlukan pengesahan empirik menerusi data bahasa Turki itu sendiri.

Kontak Bahasa dan Hierarki Kebolehpinjaman

Kajian ini disandarkan pada tradisi linguistik kontak yang dipelopori Weinreich (1953) dan diperluas Haugen (1950), yang berhujah bahawa kata pinjaman yang bertahan paling lama ialah kata yang berjaya menyesuaikan bentuknya dengan sistem fonologi bahasa penerima tanpa kehilangan fungsi rujukannya. Thomason dan Kaufman (1988) memperluas kerangka ini dengan menghujahkan bahawa intensiti dan jenis pengaruh kontak bergantung kepada tahap dan tempoh dwibahasaan masyarakat penerima berbanding faktor linguistik semata-mata. Hujah ini relevan bagi menjelaskan mengapa kosa kata agama, yang disokong oleh dwibahasaan liturgi berterusan menerusi bacaan al-Quran dan khutbah, dijangka lebih stabil berbanding kosa kata pentadbiran yang bergantung kepada dasar kerajaan sezaman.

Matras (2009) mengetengahkan hierarki kebolehpinjaman yang meletakkan item leksikal bermuatan budaya dan agama tinggi pada kedudukan paling stabil berbanding item fungsian atau birokratik yang lebih mudah digantikan oleh dasar perancangan bahasa. Kerangka ini disokong oleh kajian tipologi lintas-bahasa Haspelmath dan Tadmor (2009), yang mendapati kosa kata domain agama dan kekeluargaan secara konsisten memaparkan kadar pengekalannya lebih tinggi berbanding domain pentadbiran dan teknologi merentasi pelbagai bahasa. Dapatan tipologi inilah yang menjadi asas hipotesis domain-spesifik kajian ini.

Dasar Perancangan Bahasa dan Kesan Domain-Spesifik

Gerakan pembaharuan bahasa Turki pasca 1928 bukan proses yang neutral dari segi domain. Gerakan ini secara sengaja menyasarkan istilah pentadbiran, undang-undang, dan ketenteraan negara bagi membina identiti kebangsaan sekular yang terpisah daripada warisan Uthmaniyah-Islam (Lewis, 1999). Sebaliknya, kosa kata dalam ranah ibadat dan teologi tidak menjadi sasaran utama dasar tersebut kerana fungsinya tersimpul rapat dengan amalan keagamaan harian yang diselenggarakan oleh institusi seperti *Diyanet İşleri Başkanlığı* dan sistem pendidikan agama. Justeru itu, andaian dan pendapat yang mengatakan bahawa pengekalannya leksikal Arab dalam bahasa Turki bersifat seragam merentasi domain adalah tidak tepat secara teoretis. Kajian ini menguji secara empirik andaian sebaliknya, iaitu bahawa pengekalannya tersebut berbeza secara sistematik mengikut sejauh mana sesuatu domain terdedah kepada campur tangan dasar bahasa berbanding kesinambungan institusi bukan-kerajaan.

Kedudukan Perbandingan Tiga Bahasa

Kajian ini memperkenalkan bahasa Melayu sebagai titik asas perbandingan, skop teori yang digunakan perlu dibataskan secara jelas. Rothman (2011), menerusi Typological Primacy Model, menghujahkan bahawa persamaan tipologi antara bahasa sedia ada penutur dengan bahasa sasaran boleh mempengaruhi corak pemindahan semasa pemerolehan bahasa ketiga. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan analisis kandungan leksikografi dan bukan kajian pemerolehan bahasa; dan tidak melibatkan responden pelajar atau data pemerolehan sebenar. Model tersebut dirujuk semata-mata sebagai kerangka penjelasan mengapa jarak leksikal-fonologi antara bahasa boleh menjadi bermakna secara pedagogi, dan bukan sebagai bukti bahawa pemindahan positif benar-benar berlaku. Sebarang implikasi pedagogi yang dibincangkan dalam kajian ini merupakan cadangan implikasi berasaskan kesamaan leksikal terdokumentasi, bukan dapatan pemerolehan yang diuji secara langsung.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif menerusi analisis kandungan kontrastif tiga peringkat (Arab-Turki-Melayu). Korpus terdiri daripada 60 item leksikal yang dipilih secara pensampelan bertujuan daripada domain agama dan pentadbiran dalam Güncel Türkçe Sözlük (GTS) selenggaraan Türk Dil Kurumu. Setiap entri disahkan etimologinya menerusi sekurang-kurangnya dua sumber leksikografi, iaitu GTS dan Nişanyan Sözlük bagi bahasa Turki, dengan Al-Mu‘jam al-Wasīf sebagai rujukan dasar bagi makna sumber Arab. Makna semasa bahasa Melayu pula disahkan menerusi pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kriteria Pemilihan Data

Lima kriteria diaplikasikan. Pertama, item mesti mempunyai etimon Arab yang disahkan dalam Al-Mu‘jam al-Wasīf. Kedua, item mesti tergolong dalam domain

agama, domain pentadbiran, atau memaparkan penggunaan merentas kedua-duanya. Ketiga, item mesti mempunyai entri sepadan atau berkaitan dalam pangkalan data DBP bagi membolehkan perbandingan tiga bahasa. Keempat, item digugurkan sekiranya etimologinya memaparkan percanggahan yang tidak dapat diselesaikan antara sumber leksikografi. Kelima, taburan akhir mesti mencerminkan nisbah kewujudan sebenar kosa kata agama berbanding pentadbiran dalam GTS, dan bukan nisbah yang disusun bagi menyokong hipotesis kajian.

Item yang memenuhi kriteria kedua secara serentak bagi kedua-dua domain dikelaskan sebagai kategori merentas domain dan dianalisis secara berasingan. Peraturan ini didokumentasikan secara eksplisit supaya boleh diaplikasikan semula oleh pengkaji lain, dan kesan kategori ini terhadap kadar pengekalan keseluruhan dilaporkan secara berasingan dalam Jadual 1.

Prosedur Analisis

Data dianalisis secara tematik mengikut domain, seterusnya secara kontrastif merentasi tiga peringkat: fonologi dan morfofonologi, ortografi, serta semantik. Pengelasan semantik setiap entri, iaitu pengekalan makna, anjakan semantik, atau pasangan menipu, ditentukan berdasarkan perbandingan eksplisit antara makna yang direkodkan dalam sumber sauh Arab dengan makna semasa dalam GTS dan DBP. Kategori pasangan menipu selanjutnya dibahagikan kepada kognat palsu tulen, iaitu pasangan tanpa hubungan etimologi, dan kognat tulen bercapah, iaitu pasangan berkongsi akar yang maknanya telah berbeza secara ketara.

Justifikasi Saiz Korpus

Korpus 60 item ditentukan mengikut logik pensampelan bertujuan dalam penyelidikan kualitatif, bukan logik pensampelan rawak dalam penyelidikan kuantitatif. Matlamat analisis kandungan kualitatif bukanlah mewakili taburan statistik keseluruhan leksikon Turki atau Melayu, tetapi mencapai kedalaman analitikal yang membolehkan mekanisme adaptasi dan pola anjakan diperincikan bagi setiap entri (Krippendorff, 2018; Patton, 2002). Patton (2002) menegaskan bahawa kekuatan pensampelan bertujuan terletak pada pemilihan kes yang kaya dengan maklumat, bukan hanya bergantung kepada saiz sampel. Dalam konteks kajian ini, 60 item yang dipilih merangkumi kepelbagaian mekanisme fonologi dan kepelbagaian corak semantik yang mencukupi untuk menjawab keempat-empat persoalan kajian secara tepu, tanpa didakwa mewakili keseluruhan leksikon kedua-dua bahasa penerima secara statistik.

Batasan skop ini dinyatakan secara eksplisit: dapatan kajian ini menerangkan corak dalam korpus terpilih dan tidak boleh digeneralisasikan secara statistik kepada keseluruhan leksikon Turki atau Melayu tanpa kajian susulan berskala lebih besar. Peraturan yang dilaporkan dalam Jadual 1 berfungsi sebagai ringkasan deskriptif korpus, bukan anggaran parameter populasi, dan belum ada ujian inferens dijalankan kerana reka bentuk pensampelan yang belum memadai.

Kebolehppercayaan dan Ketelusan Prosedur

Pengekodan dan pengelasan kategori semantik bagi kesemua 60 entri dilaksanakan oleh penyelidik utama dalam dua pusingan berasingan dengan selang masa dua minggu, diikuti pengesahan oleh seorang pakar linguistik dan terjemahan Arab yang menyemak semula kesemua pengelasan secara bebas sebelum kata sepakat dicapai menerusi perbincangan. Kajian ini mengakui bahawa reka bentuk pengekodan ini, iaitu seorang pengekod utama dengan pengesahan pakar tunggal, tidak membolehkan pengiraan statistik kebolehppercayaan antara-pengekod seperti Pekali Kappa Cohen atau Alfa Krippendorff, kerana kedua-dua statistik tersebut memerlukan sekurang-kurangnya dua pengekod yang mengekod set data yang sama secara bebas dan serentak (Krippendorff, 2018). Melaporkan statistik sedemikian tanpa reka bentuk dua-pengekod sebenar tidak dapat dipertahankan dari segi metodologi.

Sebagai gantian yang lebih sesuai dengan reka bentuk kajian, kebolehppercayaan diperkukuh menerusi empat mekanisme ketelusan prosedur. Pertama, jejak audit lengkap: kesemua 60 entri, sumber rujukan, dan justifikasi pengelasan didokumentasikan dalam Lampiran A dan boleh disemak secara bebas. Kedua, pengekodan dua pusingan oleh pengekod yang sama, yang menyediakan penunjuk kestabilan dalaman walaupun bukan persetujuan antara-pengekod. Ketiga, pengesahan pakar bebas sebagai mekanisme triangulasi penyelidik. Keempat, peraturan pengelasan domain didokumentasikan secara eksplisit dan boleh diaplikasikan semula secara konsisten oleh penyelidik lain. Kajian susulan yang melibatkan reka bentuk dua-pengekod bebas disyorkan bagi mengesahkan pengelasan ini secara statistik.

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap korpus 60 item mendedahkan bahawa pengekalakan leksikal Arab dalam bahasa Turki bukan proses yang pasif atau seragam. Sebaliknya hasil interaksi antara mekanisme adaptasi fonologi yang sistematik dengan pendedahan tidak seimbang kepada dasar perancangan bahasa mengikut domain.

Taburan Pengekalakan Mengikut Domain

Daripada 60 item dalam korpus, 44 mengekalkan makna sumbernya, 14 mengalami anjakan semantik, dan 2 membentuk pasangan menipu yang berisiko tinggi kepada penterjemah. Jadual 1 memaparkan taburan ini mengikut tiga kategori domain.

Jadual 1 *Taburan pengekelan dan anjakan semantik mengikut domain (N = 60)*

Domain	Jumlah entri	Pengekelan makna	Anjakan semantik	Pasangan menipu	% pengekelan
Agama	37	34	3	0	91.9
Pentadbiran	10	3	7	0	30.0
Merentas domain (agama/pentadbiran)	13	7	4	2	53.8
Jumlah	60	44	14	2	73.3

Nota. Kategori merentas domain merujuk kepada item yang memaparkan penggunaan aktif dalam kedua-dua domain agama dan pentadbiran, dan dianalisis secara berasingan kerana ia terdedah kepada dua konteks penggunaan yang berbeza. Sumber: Lampiran A, Jadual A.1.

Corak dalam Jadual 1 adalah jelas. Domain agama memaparkan kadar pengekelan yang paling tinggi, dengan 34 daripada 37 item kekal dan tiada satu pun membentuk pasangan menipu. Domain pentadbiran memaparkan corak yang bertentangan, dengan hanya 3 daripada 10 item kekal, manakala 7 item beranjak ke arah makna sekular-birokratik. Kategori merentas domain menduduki kedudukan pertengahan, dengan 7 daripada 13 item kekal; kedua-dua pasangan menipu dalam korpus tergolong dalam kategori ini, satu pemerhatian yang dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah.

Mekanisme Adaptasi Fonologi dan Morfofonologi

Jadual 2 merumuskan lima mekanisme adaptasi utama yang dikenal pasti daripada analisis morfofonologi penuh, setiap satu diwakili oleh satu entri representatif yang disahkan dalam korpus.

Jadual 2 *Mekanisme adaptasi fonologi kosa kata Arab ke dalam bahasa Turki dan bahasa Melayu (contoh terpilih)*

Etimon Arab	Bentuk Turki	Bentuk Melayu	Mekanisme utama	Catatan analitikal
<i>Muqadda sāt</i> (مقدسات)	Mukaddesat	Mukada sat	/q/ → /k/	Plosif uvular /q/ tiada dalam inventori Turki moden dan dipetakan secara konsisten kepada plosif velar /k/ merentasi hampir kesemua entri berhuruf qāf dalam korpus. Bahasa Melayu memaparkan pemetaan yang sama.

Etimon Arab	Bentuk Turki	Bentuk Melayu	Mekanisme utama	Catatan analitikal
<i>Masjid</i> (مسجد)	Mescit	Masjid	/d/ → /t/; /d ₃ / → /d ₃ / (c)	Nyahsuara obstruen akhir: /d/ direalisasikan tidak bersuara pada posisi akhir kata selaras kekangan fonotaktik Turki. Bahasa Melayu tidak mengenakan kekangan setara dan mengekalkan bentuk sumber.
<i>Waḥdah</i> (وحدة)	Vahdet	Wahdah	tā' marbūṭah → /-et/	Realisasi tā' marbūṭah sebagai /-et/ merupakan bentuk paling produktif dalam korpus Turki. Bahasa Melayu merealisasikannya sebagai /-ah/ secara seragam.
<i>Sajdah</i> (سجدة)	Secde	Sujud / Sejadah	tā' marbūṭah → /-e/	Realisasi alternatif tanpa konsonan akhir. Kewujudan dua laluan (/ -et/ dan / -e/) menunjukkan pemetaan tā' marbūṭah dalam bahasa Turki bersifat bersyarat-leksikal, bukan mekanikal.
<i>Rūḥ</i> (روح)	Ruh	Roh	/ḥ/ → /h/	Frikatif faringeal /ḥ/ dikurangkan kepada frikatif glotal /h/. Kedua-dua bahasa penerima memaparkan pengurangan yang sama kerana kedua-duanya tiada siri konsonan faringeal.

Nota. Sumber data: Lampiran A, Jadual A.1 dan A.3, disahkan menerusi Güncel Türkçe Sözlük dan Nişanyan Sözlük bagi bentuk Turki, serta pangkalan data DBP bagi bentuk Melayu.

Corak dalam Jadual 2 sejajar dengan hujah Haugen (1950) bahawa kata pinjaman yang bertahan ialah kata yang paling berjaya menyesuaikan bentuknya dengan sistem fonologi bahasa penerima. Entri *Vahdet* dan *Secde* khususnya mendedahkan satu dapatan yang belum diterangkan secara memuaskan dalam kajian lepas: tā' marbūṭah Arab tidak mempunyai satu laluan adaptasi tunggal ke dalam bahasa Turki, sebaliknya boleh direalisasikan sebagai /-et/, /-at/, atau /-e/. Faktor penentu bagi pemilihan antara laluan ini belum dapat dipastikan sepenuhnya

daripada data semasa. Satu kemungkinan yang wajar diuji dalam kajian lanjutan ialah sama ada bentuk tersebut memasuki bahasa Turki menerusi laluan tulisan berbanding laluan pertuturan berterusan. Ini dinyatakan sebagai had kajian dan bukan dakwaan yang diselesaikan oleh data semasa.

Perbandingan Bentuk Melayu dan Bentuk Turki

Analisis kontrastif mendedahkan bahawa bahasa Melayu secara konsisten memaparkan adaptasi fonologi yang lebih hampir kepada bentuk sumber Arab berbanding bahasa Turki bagi set kosa kata yang sama. Entri seperti *Fitrat* berbanding *Fitrah*, *Ahiret* berbanding *Akhirat*, dan *Mescit* berbanding *Masjid* memaparkan corak ini dengan jelas. Perbezaan tersebut tidak boleh dijelaskan oleh satu faktor tunggal, sebaliknya oleh gabungan sekurang-kurangnya tiga kekangan yang beroperasi dalam bahasa Turki tetapi tiada padanannya dalam bahasa Melayu: hukum harmoni vokal, nyahsuara obstruen akhir, dan penyesuaian struktur suku kata.

Perlu ditegaskan bahawa harmoni vokal tidak beroperasi secara menyeluruh terhadap kata pinjaman Arab dalam bahasa Turki. Sebilangan entri dalam korpus mengekalkan urutan vokal yang tidak harmoni, satu pengecualian yang lazim dilaporkan bagi lapisan pinjaman Arab dan Parsi dalam bahasa Turki. Oleh kerana itu, keharmonian vokal paling tepat bila digambarkan sebagai salah satu daripada beberapa kekangan yang menyumbang kepada jarak fonologi Turki-Arab yang lebih besar, dan bukan sebagai punca tunggal bagi keseluruhan corak yang diperhatikan. Pengiraan tepat bagi liputan setiap kekangan dalam korpus ini merupakan langkah lanjutan yang wajar bagi kajian susulan.

Pasangan Menipu dan Implikasi Penterjemahan

Kajian mengenal pasti dua pasangan berisiko tinggi dalam korpus, kedua-duanya daripada kategori merentas domain. Kedua-dua pasangan ini bukan fenomena linguistik yang sama, dan pembezaan tersebut mempunyai implikasi praktikal yang berbeza bagi penterjemah.

Jadual 3 *Pasangan menipu Arab-Turki-Melayu dan jenis hubungan etimologinya*

Pasangan	Makna sumber (Arab)	Makna Turki	Makna Melayu	Jenis hubungan
<i>Millet</i> / <i>Milat</i>	ملة (millah): komuniti beragama; syariat	Bangsa; negara bangsa — sekular sepenuhnya	<i>Milat</i> (ميلاد): kelahiran; tarikh kelahiran Nabi Isa	Kognat palsu tulen: akar berbeza (م-ل-ل). Persamaan و-ل-ل. berbanding -ل-ل-ل).

Pasangan	Makna sumber (Arab)	Makna Turki	Makna Melayu	Jenis hubungan
				bentuk bersifat kebetulan.
<i>Emanet / Amanah</i>	أمانة (amānah): integriti moral; kepercayaan (abstrak)	Barang titipan; simpanan; bilik penyimpanan bagasi (konkrit)	Doublet: Amanah (sifat moral) berbanding Amanat (pesanan/titipan)	Kognat tulen bercapah: akar sama (أ-م-ن). Bahasa Turki mengalami materialisasi semantik; bahasa Melayu mengekalkan kedua-dua dimensi menerusi dua bentuk berasingan.

Nota. Sumber: Lampiran A, Jadual A.4c.

Pasangan *Millet/Milat* merupakan kognat palsu tulen. Bentuk Turki berasal daripada akar م-ل-ل menerusi *millah*, manakala bentuk Melayu *milat* berasal daripada akar م-ل-ل menerusi *milād*. Persamaan bentuk permukaan antara kedua-duanya bersifat kebetulan sepenuhnya dan tidak mencerminkan sebarang hubungan sejarah. Kes ini kritikal bagi penterjemah teks rasmi dan akademik kerana penggunaan kontemporari dalam wacana Turki, contohnya *Millî Eğitim* bagi "Pendidikan Kebangsaan", membawa makna sekular-kebangsaan yang bertentangan secara langsung dengan konotasi keagamaan yang mungkin dijangka oleh khalayak Melayu berlatar belakang Arab. Kegagalan mengenal pasti anjakan ini berpotensi menghasilkan terjemahan yang mengekalkan konotasi sakral pada teks yang bersifat sekular sepenuhnya dalam konteks sumber.

Pasangan *Emanet/Amanah* pula mendedahkan cabaran yang berbeza sama sekali. Kedua-dua bentuk ini merupakan kognat tulen yang berkongsi akar أ-م-ن, dan divergensinya berlaku pada peringkat semantik dan bukan etimologi. Bahasa Turki mengalami materialisasi semantik, iaitu makna abstrak integriti moral beralih kepada makna konkrit objek titipan, manakala bahasa Melayu mengekalkan kedua-dua dimensi menerusi pasangan kata berasingan, *amanah* bagi dimensi abstrak dan *amanat* bagi dimensi konkrit. Implikasinya, satu perkataan Turki tunggal memetakan kepada dua konsep berasingan dalam bahasa Melayu, justeru pemilihan padanan bergantung sepenuhnya kepada konteks rujukan.

Pembezaan antara kedua-dua jenis ini mempunyai nilai pedagogi yang berbeza. Kognat palsu tulen memerlukan pengajaran secara hafalan kes demi kes

kerana tiada peraturan sistematik yang boleh diekstrapolasikan daripadanya. Kognat tulen bercapah, sebaliknya, boleh diajar menerusi kesedaran tentang arah anjakan semantik, iaitu daripada abstrak kepada konkrit, yang mungkin berulang dalam entri lain yang belum dikenal pasti.

PERBINCANGAN

Dapatan yang paling ketara dalam kajian ini ialah taburan pengekelan yang tidak seimbang antara domain, dan corak ini boleh dijelaskan menerusi dua faktor bertindan.

Faktor pertama bersifat sejagat. Selaras dengan hierarki kebolehpinjaman Matras (2009) dan dapatan tipologi Haspelmath dan Tadmor (2009), kosa kata agama membawa muatan budaya dan liturgi yang tinggi serta terus digunakan secara harfiah dalam ibadat harian, bacaan al-Quran, dan khutbah. Konteks penggunaan ini tidak tertakluk kepada dasar bahasa negara, dan kestabilannya dijangkakan oleh teori tanpa merujuk kepada sejarah khusus bahasa Turki. Bahawa kedua-dua pasangan menipu dalam korpus tergolong dalam kategori merentas domain, dan bukan dalam domain agama tulen, menyokong tafsiran ini: item yang beroperasi dalam kedua-dua konteks terdedah kepada tekanan semantik daripada dua arah sekali gus.

Faktor kedua bersifat spesifik-sejarah. Gerakan pembaharuan bahasa pasca-1928 secara sengaja menyasarkan kosa kata pentadbiran, undang-undang, dan ketenteraan negara sebagai sebahagian daripada projek pembinaan identiti kebangsaan sekular (Lewis, 1999). Kosa kata agama tidak menjadi sasaran utama dasar tersebut kerana kedudukannya di luar fokus pentadbiran negara. Dapatan kajian ini secara tidak langsung membuktikan data empirik langsung bagi pernyataan yang sebelum bersifat deskriptif dalam literatur sejarah bahasa Turki: pengekelan leksikal bukan fungsi neutral bagi usia atau kekerapan sesuatu kata pinjaman, sebaliknya fungsi bagi sejauh mana domain penggunaannya terdedah kepada campur tangan dasar bahasa yang disengajakan.

Perbandingan dipadankan dengan bahasa Melayu yang menyumbang kepada satu lapisan bukti yang tidak dapat diperoleh menerusi kajian eka-bahasa. Hal demikian kerana bahasa Melayu menerima set kosa kata Arab yang sama menerusi laluan sejarah yang berasingan dan tanpa mengalami dasar pembaharuan bahasa yang setara, perbezaan sistematik antara kedua-dua bahasa penerima menyokong tafsiran bahawa corak dalam bahasa Turki didorong sebahagiannya oleh faktor dalaman Turki sendiri, dan bukan semata-mata sifat kosa kata Arab. Perlu ditegaskan bahawa reka bentuk kajian ini tidak membolehkan pengasingan kuantitatif sumbangan setiap faktor; ia hanya menunjukkan bahawa kedua-duanya beroperasi.

Dapatan mengenai kedekatan fonologi Melayu-Arab mempunyai implikasi pedagogi yang berpotensi, namun implikasi tersebut kekal bersifat hipotesis. Ia menyediakan asas leksikal bagi kajian lanjutan yang secara khusus menguji sama ada kedekatan ini benar-benar memudahkan pemerolehan bahasa Turki oleh penutur Melayu yang berlatar belakang bahasa Arab. Persoalan tersebut berada di luar skop reka bentuk leksikografi kajian semasa dan memerlukan kajian pemerolehan dengan responden pelajar sebenar.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai empat batasan yang mencorakkan skop tafsiran dapatannya. Pertama, saiz korpus dan reka bentuk pengekodan tunggal dengan pengesahan pakar bermakna dapatan ini menawarkan kedalaman analitikal bagi item terpilih, tetapi tidak boleh digeneralisasikan secara statistik kepada keseluruhan leksikon Turki atau Melayu, yang dianggarkan mengandungi beberapa ribu kata pinjaman Arab. Kajian susulan berskala lebih besar dengan reka bentuk dua-pengekod bebas disyorkan bagi mengesahkan kebolehpercayaan pengelasan secara kuantitatif.

Kedua, skop kajian tertumpu kepada dua domain sahaja. Domain lain seperti sains, perubatan, dan teknologi mungkin memaparkan corak pengekalan yang berbeza dan wajar diterokai dalam kajian mendatang.

Ketiga, kajian ini bergantung sepenuhnya kepada sumber leksikografi bertulis dan tidak menangkap variasi penggunaan lisan, dialek serantau, atau perubahan makna kontemporari yang belum direkodkan dalam kamus rasmi.

Keempat, kategori pasangan menipu dalam korpus ini terdiri daripada dua entri sahaja; ia dilaporkan sebagai kajian kes awal dan bukan asas bagi generalisasi tentang fenomena tersebut dalam leksikon yang lebih luas.

Batasan-batasan ini tidak mengurangkan nilai kajian sebagai pemetaan leksikal kontrastif terperinci merentasi tiga bahasa dalam domain berkenaan, tetapi menetapkan sempadan tafsiran yang jelas bagi dapatan yang dikemukakan.

RUMUSAN

Kajian ini mengesahkan bahawa kata pinjaman Arab kekal secara ketara dalam leksikon bahasa Turki moden, tetapi pengekalannya tidak dalam format yang seragam. Perbezaan ditentukan secara sistematik mengikut domain, dengan 34 daripada 37 item domain agama kekal berbanding hanya 3 daripada 10 item domain pentadbiran, dan kategori merentas domain menduduki kedudukan pertengahan. Corak ini paling baik dijelaskan menerusi gabungan hierarki kebolehpinjaman sejagat dengan kesan langsung dasar pembaharuan bahasa yang secara sengaja menyasarkan domain pentadbiran negara.

Perbandingan dengan bahasa Melayu mendedahkan bahawa jarak fonologi Turki-Arab lebih besar berbanding jarak Melayu-Arab bagi set kosa kata yang sama, sejajar dengan beberapa kekangan fonotaktik yang beroperasi dalam bahasa Turki. Kajian turut mengenal pasti dua pasangan berisiko tinggi kepada penterjemah, dan menunjukkan bahawa kedua-duanya mewakili fenomena linguistik yang berbeza: kognatif palsu tulen berbanding kognatif tulen yang bercapah makna. Pembezaan ini mempunyai implikasi praktikal yang berlainan bagi penterjemah dan pengajar bahasa.

Sumbangan utama kajian ini ialah melibatkan pemetaan leksikal Arab-Turki-Melayu yang sistematik bagi domain agama dan pentadbiran, disertai panduan praktikal mengenai potensi pemindahan positif dan perangkat semantik dalam kosa kata yang dikongsi. Dapatan kedekatan fonologi Melayu-Arab hanya menyediakan

data asas empirik, dan bukan kesimpulan muktamad. Hal ini perlu dikembangkan dalam kajian lanjutan berkaitan pemerolehan bahasa Turki oleh penutur Melayu berlatar belakang pengajian bahasa Arab.

CONFLICTS OF INTEREST: The author declares no conflict of interest.

ETHICS STATEMENT: This research is based on textual analysis and did not involve human participants or animals. The study complied with institutional and international ethical guidelines; therefore, no formal ethical approval was required.

REFERENCES

- Haspelmath, M., & Tadmor, U. (Eds.). (2009). *Loanwords in the world's languages: A comparative handbook*. De Gruyter Mouton.
- Haugen, E. (1950). The analysis of linguistic borrowing. *Language*, 26(2), 210–231. <https://doi.org/10.2307/410058>
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Lewis, G. (1999). *The Turkish language reform: A catastrophic success*. Oxford University Press.
- Matras, Y. (2009). *Language contact*. Cambridge University Press.
- Nayab, N., Mehdi, M. H., & Rashidi, A. (2022). The effects of Arabic language on Persian language and literature. *Journal of Academic Research in Educational Sciences*, 3(11), 600–606.
- Özkan, S. H. (2010). Osmanlı Devleti'nde yabancı dil eğitimi [Foreign language education in the Ottoman Empire]. *Turkish Studies*, 5(3), 1783–1800. <https://doi.org/10.7827/turkishstudies.1346>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Qur'ani, A. S., Mufida, U., & Huda, S. (2022). The role of ar-Raayah University in spreading the Arabic language in Indonesia. *Diwan: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 8(2), 133–145. <https://doi.org/10.24252/diwan.v8i2.29510>
- Rothman, J. (2011). L3 syntactic transfer selectivity and typological determinacy: The typological primacy model. *Second Language Research*, 27(1), 107–127. <https://doi.org/10.1177/0267658310386439>
- Thomason, S. G., & Kaufman, T. (1988). *Language contact, creolization, and genetic linguistics*. University of California Press.
- Türk Dil Kurumu. (2023). *Güncel Türkçe sözlük*. <https://sozluk.gov.tr/>
- Weinreich, U. (1953). *Languages in contact: Findings and problems*. Linguistic Circle of New York.

LAMPIRAN A - DATA LEKSIKAL KONTRASTIF 60 ENTRI

Dibina semula dan disahkan menerusi penjejakan (traceability) langsung kepada Jadual A.1, A.2, A.3 dan A.4c sumber asal (LampiranA_Data60Entri.docx). Tiada entri direka, digugurkan, atau diklasifikasikan semula bagi memenuhi statistik sasaran.

Bahagian 1 - Ringkasan:

Dataset ini mengandungi 60 entri leksikal, disahkan lengkap tanpa pendua atau kekosongan nombor Bil. (1–60). Klasifikasi semantik: 44 Lestari (73.3%), 14 Anjakan Semantik (23.3%), 2 Kognat Palsu (3.3%). Angka ini dikira LANGSUNG daripada lajur Klasifikasi setiap 60 entri dalam Jadual A.1 di bawah.

Jadual A.1: Matriks Kontrastif Induk

Sumber: Jadual A.1 asal, baris 35–199 fail Lampiran A yang dihantar. Susunan Bil. asal dikekalkan sepenuhnya (1–60, tiada nombor tercicir).

Bil.	BT (TDK)	Arab (BA)	Translit. BA	BM (DBP)	Domain	Klasifikasi
1	Müslüman	مسلم	Muslim	Muslim / Orang Islam	Agama	Lestari
2	Rahmet	رحمة	Rahmah	Rahmat	Agama (Sakral)	Lestari
3	Sabır	صبر	Şabr	Sabar	Agama	Lestari
4	İhsan	إحسان	İhsân	Ihsan	Agama	Lestari
5	Mümin	مؤمن	Mu'min	Mukmin	Agama	Lestari
6	Merhamet	مرحمة	Marhamah	Merhamat / Belas kasihan	Agama	Lestari
7	Devlet	دولة	Dawlah	Daulat	Pentadbiran	Anjakan Semantik
8	Basiret	بصيرة	Başirah	Basirah / Pandangan batin	Pentadbiran / Agama	Anjakan Semantik
9	Millet	ملة	Millah	Milat	Pentadbiran / Sosial	Kognat Palsu
10	Vatan	وطن	Waţan	Watan / Tanah air	Pentadbiran	Lestari
11	Mukaddesat	مقدسات	Muqaddas āt	Mukadas (Hal sakral)	Sakral (Agama)	Lestari
12	İman	إيمان	Īmān	Iman	Agama	Lestari
13	Ahlak	أخلاق	Akhlāq	Akhlak	Agama	Lestari
14	Hukuk	حقوق	Ḥuqūq	Hukum / Hak	Pentadbiran	Anjakan Semantik
15	Emanet	أمانة	Amānah	Amanah / Amanat	Pentadbiran / Agama	Kognat Palsu
16	Fitrat	فطرة	Fiṭrah	Fitrah	Agama	Lestari
17	Ahiret	آخرة	Ākhirah	Akhirat	Agama	Lestari
18	İdrak	إدراك	Idrāk	Idrak / Kefahaman	Agama / Pentadbiran	Lestari
19	Cuma	جمعة	Jumu'ah	Jumaat	Agama	Lestari

20	Ümmet	أمة	Ummah	Umat	Agama / Pentadbiran	Lestari
21	Vahdet	وحدة	Waḥdah	Wahdat / Kesatuan	Pentadbiran / Agama	Lestari
22	Tefrika	تفرقة	Tafriqah	Tafrikah / Perpecahan	Pentadbiran / Sosial	Lestari
23	Hutbe	خطبة	Khuṭbah	Khutbah	Agama	Lestari
24	Hakikat	حقيقة	Ḥaḳīqah	Hakikat	Agama / Sakral	Lestari
25	Ruh	روح	Rūḥ	Roh	Sakral (Agama)	Lestari
26	Mezhep	مذهب	Madhhab	Mazhab	Agama	Lestari
27	Makam	مقام	Maqām	Makam / Pangkat	Pentadbiran	Anjakan Semantik
28	Mevki	موقع	Mawqī‘	Mauki (Kedudukan)	Pentadbiran	Anjakan Semantik
29	Sahabe	صحابية	Ṣaḥābah	Sahabat (Nabi)	Agama	Anjakan Semantik
30	Cami	جامع	Jāmi‘	Jamek (Masjid)	Agama	Anjakan Semantik
31	Mescit	مسجد	Masjid	Masjid	Agama	Lestari
32	Kible	قبلة	Qiblah	Kiblat (Sakral)	Agama (Sakral)	Lestari
33	Secde	سجدة	Sajdah	Sujud / Sajdah	Agama	Lestari
34	Azap	عذاب	‘Adhāb	Azab	Sakral (Agama)	Lestari
35	İbadet	عبادة	‘Ibādah	Ibadah / Ibadat	Agama	Lestari
36	Rıza	رضا	Riḍā	Reda	Agama	Lestari
37	Zekât	زكاة	Zakāh	Zakat	Agama	Lestari
38	Sadaka	صدقة	Ṣadaqah	Sedekah	Agama	Lestari
39	Ömür	عمر	‘Umr	Umur	Agama / Sosial	Lestari
40	Bereket	بركة	Barakah	Berkat	Sakral (Agama)	Lestari
41	Hac	حج	Ḥajj	Haji	Agama	Lestari
42	Umre	عمرة	‘Umrah	Umrah	Agama	Lestari
43	Teslimiyet	تسليم	Taslīm	Taslim / Penyerahan	Agama	Lestari
44	Şuur	شعور	Shu‘ūr	Syuur / Kesedaran	Agama / Pentadbiran	Anjakan Semantik
45	Tövbe	توبة	Tawbah	Taubat	Agama	Lestari
46	Kurbiyyet	قربية	Qurbiyyah	Kurbiah (Kedekatan)	Sakral (Agama)	Lestari
47	Kurban	قربان	Qurbān	Korban	Agama	Anjakan Semantik

48	Feda	فداء	Fidā'	Fida / Tebusan	Agama / Pentadbiran	Anjakan Semantik
49	Takva	تقوى	Taqwā	Takwa	Agama	Lestari
50	Maksat	مقصد	Maqṣad	Maksud	Pentadbiran	Anjakan Semantik
51	Emir	أمر	Amr	Amir / Perintah	Pentadbiran	Anjakan Semantik
52	Vekâlet	وكالة	Wakālah	Wakalah / Wakil	Pentadbiran	Lestari
53	Vakıf	وقف	Waqf	Wakaf	Pentadbiran / Agama	Lestari
54	İrade	إرادة	Irādah	Iradat / Kemahuan	Pentadbiran	Lestari
55	Tevhid	توحيد	Tawḥīd	Tauhid	Agama (Sakral)	Lestari
56	Azamet	عظمة	'Aẓamah	Azamat (Keagungan)	Sakral (Agama)	Lestari
57	Tevekkül	توكل	Tawakkul	Tawakal	Agama	Lestari
58	Tedbir	تدبير	Tadbīr	Tadbir	Pentadbiran	Anjakan Semantik
59	Takdir	تقدير	Taqdīr	Takdir	Pentadbiran / Agama	Anjakan Semantik
60	Hikmet	حكمة	Ḥikmah	Hikmah	Agama / Pentadbiran	Lestari

Jadual A.2: Perbandingan Makna Tiga Bahasa

Sumber: Jadual A.2 asal, baris 209-441. Makna disalin terus daripada teks sumber (Al-Mu'jam al-Wasit sebagai bahasa sauh BA; GTS-TDK bagi BT; DBP bagi BM).

Bil.	Leksikal	Makna BA (Al-Mu'jam al-Wasit)	Makna BT (GTS-TDK)	Makna BM (DBP)
1	Müslüman	Orang yang berserah diri kepada Allah; Muslim	Muslim; orang Islam	Muslim; orang Islam
2	Rahmet	Belas kasihan; rahmat Ilahi	Rahmat; kasih sayang	Rahmat; belas kasihan Ilahi
3	Sabır	Kesabaran; ketabahan menghadapi ujian	Kesabaran; tabah	Sabar; tahan hati
4	İhsan	Berbuat baik; ihsan kepada sesama; excellence	Berbuat baik; kemurahan hati	Kebaikkan; ihsan
5	Mümin	Orang yang beriman; believer	Orang beriman; mukmin	Mukmin; orang beriman
6	Merhamet	Belas kasihan; rasa ihsan terhadap sesama	Belas kasihan; rasa kasihan	Belas kasihan
7	Devlet	Kerajaan; negara; dinasti (luas & sakral)	Negara (The State); sekular-modern	Kebesaran & kesucian raja (sakral)

8	Basiret	Pandangan batin; kebijaksanaan rohani	Kewaspadaan; kebijaksanaan pragmatik-sekular	Pandangan batin rohani
9	Millet	Komuniti agama; syariat; umat beragama	Bangsa; negara bangsa (Nation) – sekular	Umat agama; komuniti Islam
10	Vatan	Tanah air; negeri asal usul	Tanah air; patriotisme	Tanah air; watan
11	Mukaddesat	Perkara-perkara suci; yang disakralkan	Nilai-nilai suci; perkara sakral	Mukadas; yang disucikan
12	Īman	Iman; kepercayaan kepada Allah	Iman; kepercayaan; keyakinan	Iman; kepercayaan
13	Ahlak	Akhlak; budi pekerti; etika moral	Akhlak; etika; budi pekerti	Akhlak; budi pekerti
14	Hukuk	Hak-hak; undang-undang (luas)	Bidang ilmu perundangan (jurisprudensi)	Undang-undang; hukum agama; akibat
15	Emanet	Integriti moral; sifat amanah; kepercayaan (abstrak)	Barang titipan; simpanan; cloakroom (konkrit)	Amanah=integriti; Amanat=pesanan / titipan
16	Fitrat	Kesucian semula jadi manusia; fitrah	Sifat semula jadi; fitrah manusia	Fitrah; kesucian naluri manusia
17	Ahīret	Akhirat; alam selepas mati	Akhirat; kehidupan selepas mati	Akhirat; alam barzakh & akhirat
18	Īdrak	Pemahaman; keinsafan; persepsi mendalam	Kefahaman; pemahaman; keinsafan	Idrak; kefahaman mendalam
19	Cuma	Hari Jumaat; hari sembahyang berjemaah	Hari Jumaat; cuti mingguan rasmi	Jumaat; hari sembahyang
20	Ümmet	Komuniti Muslim sejagat; umat	Komuniti; umat Islam	Umat; komuniti agama
21	Vahdet	Kesatuan; penyatuan; keesaan (tauhid)	Kesatuan; persatuan	Wahdat; kesatuan
22	Tefrika	Perpecahan; pemisahan; fitnah sosial	Perpecahan; persengketaan	Perpecahan; tafrikah
23	Hutbe	Khutbah; ucapan keagamaan Jumaat	Khutbah; ucapan rasmi	Khutbah; ceramah Jumaat
24	Hakikat	Hakikat; kebenaran sejati; realiti	Hakikat; kebenaran; realiti	Hakikat; kebenaran
25	Ruh	Roh; jiwa; semangat ilahi	Roh; semangat; soul	Roh; jiwa
26	Mezhep	Mazhab; aliran fiqah Islam	Mazhab; aliran; sekte agama	Mazhab; aliran fiqah
27	Makam	Kedudukan; status; maqam rohani (luas)	Kubur keramat orang suci; jawatan (polisemi)	Makam; pangkat; kubur
28	Mevki	Kedudukan; lokasi; posisi (luas)	Jawatan; posisi rasmi (penyempitan)	Mauki; kedudukan

29	Sahabe	Sahabat-sahabat Nabi Muhammad (khusus)	Kawan; sahabat umum (meluas ke makna am)	Sahabat; kawan rapat (kekal khusus & am)
30	Cami	Yang menghimpun (sifat); masjid jami (luas)	Masjid; rumah ibadat (penyempitan konkrit)	Jamek; masjid (BM pinjam via BT/Arab)
31	Mescit	Masjid; tempat sujud	Masjid kecil; surau (penyempitan saiz)	Masjid; rumah Allah
32	Kıble	Arah Kaabah; kiblat solat	Arah kiblat; arah utama	Kiblat; arah solat
33	Secde	Sujud; tunduk kepada Allah	Sujud; posisi sembahyang	Sujud; sajdah
34	Azap	Azab; hukuman ilahi; seksa	Seksa; kesengsaraan; azab	Azab; seksa; hukuman
35	İbadet	Ibadat; sembahyang; pengabdian kepada Allah	Ibadat; amalan keagamaan	Ibadah; ibadat
36	Rıza	Keredaan; kepuasan rohani; ridhā	Keredaan; persetujuan; kerelaan	Reda; keredaan
37	Zekât	Zakat; rukun Islam ke-3; cukai agama	Zakat; sumbangan wajib agama	Zakat; fardu agama
38	Sadaka	Sedekah; derma keagamaan	Derma; sumbangan sukarela	Sedekah; derma
39	Ömür	Usia; jangka hayat; umur	Usia; jangka hayat	Umur; usia
40	Bereket	Berkat; keberkatan Ilahi	Keberlimpahan; berkat; keberkatan	Berkat; restu
41	Hac	Haji; rukun Islam ke-5; ziarah Makkah	Haji; ibadah ziarah Makkah	Haji; fardu Islam
42	Umre	Umrah; haji kecil; ziarah baitullah	Umrah; haji kecil	Umrah; haji kecil
43	Teslimiyet	Penyerahan diri; ketundukan kepada Allah	Penyerahan; kepatuhan; pasrah	Taslim; penyerahan diri
44	Şuur	Perasaan; kesedaran rohani (dalam & sakral)	Kesedaran am; kesedaran awam (sekular)	Kesedaran rohani & kognitif
45	Tövbe	Taubat; penyesalan; kembali kepada Allah	Taubat; penyesalan keagamaan	Taubat; insaf
46	Kurbiyyet	Kedekatan rohani; qurbah kepada Allah	Kedekatan; keintiman	Kedekatan rohani
47	Kurban	Persembahan kepada Allah; haiwan sembelihan Eid	Mangsa/korban (am & sekular); sembelihan Eid	Korban Eid al-Adha (kekal makna agama)
48	Feda	Tebusan; pengorbanan demi agama (sakral)	Pengorbanan patriotik; hero (sekular-heroik)	Fida; tebusan; pengorbanan (lebih sakral)

49	Takva	Takwa; rasa takut kepada Allah; kesalehan	Takwa; kesalehan; devotion	Takwa; taqwa
50	Maksat	Tujuan; niat; destinasi (luas)	Tujuan tindakan; hasrat (penyempitan fungsian)	Maksud; makna; tujuan (lebih luas dari BT)
51	Emir	Perintah; urusan; gelaran pemimpin (amr/amir)	Perintah; arahan (sahaja – gelaran gugur)	Amir (gelaran); perintah (arahan)
52	Vekâlet	Perwakilan; proksi; kuasa wakil	Perwakilan undang-undang; proksi	Wakalah; perwakilan
53	Vakıf	Wakaf; amanah harta Islam; endowment	Wakaf; yayasan; endowmen Islam	Wakaf; amanah harta
54	İrade	Kehendak; kemahuan; kekuasaan ilahi	Kehendak; tekad; kemahuan (sekular)	Iradat; kemahuan
55	Tevhid	Tauhid; keesaan Allah; prinsip asas Islam	Keesaan; tauhid (kekal sakral)	Tauhid; keesaan Allah
56	Azamet	Keagungan; kebesaran (Ilahi atau raja)	Keagungan; kemegahan	Azamat; keagungan
57	Tevekkül	Tawakal; berserah kepada Allah	Tawakal; kepasrahan kepada Tuhan	Tawakal; tawakkal
58	Tedbir	Pengurusan; perancangan menyeluruh (luas)	Langkah berjaga-jaga; tindakan khusus (sempit)	Tadbir; pentadbiran; pengurusan (lebih luas)
59	Takdir	Ketentuan Allah; takdir Ilahi (teologis)	Penilaian; penghargaan; cadangan (sekular)	Takdir Allah; ketentuan (kekal teologis)
60	Hikmet	Hikmah; kebijaksanaan Ilahi; wisdom	Hikmah; kebijaksanaan; rahsia tersirat	Hikmah; kebijaksanaan

Jadual A.3: Analisis Morfofonologi

Sumber: Jadual A.3 asal, baris 442–620. Setiap proses adaptasi disalin terus daripada anotasi sumber; tiada ciri fonologi didakwa wujud melainkan disokong bentuk sebenar dalam A.1.

Bil	Leksikal	Proses Adaptasi dalam BT	Proses Adaptasi dalam BM
1	Müslüman	Adaptasi akhiran Arab -im → -ün (Harmoni Vokal hadapan)	Kekal hampir tulen: Muslim
2	Rahmet	HV: -ah → -et (vokal hadapan); Ş → S (neutralisasi)	Konservatif: -ah → -at
3	Sabır	HV: a → ı (vokal belakang tinggi); panjang vokal gugur	Konservatif: Sabar
4	İhsan	HV: i kekal; â → an (akhiran); Ĥ → H	Konservatif: Ihsan

5	Mümin	HV: u → ü (vokal hadapan bulat); k gugur dalam sebutan	BM: Mukmin, lebih dekat BA
6	Merhamet	HV: a → e (hadapan); -ah → -et; Ĥ → H	BM: Merhamat, hampir serupa BT
7	Devlet	Metafoni aw→ev; HV: a→e; -ah→-et; sekularisasi makna	Sakralisasi: Daulat = tulah/keagungan raja
8	Basiret	HV: i→e; -ah→-et; sekularisasi kognitif	BM kekal makna rohani
9	Millet	Sekularisasi total: -ah→-et; komuniti→bangsa	BM: Milat kekal makna sakral
10	Vatan	W→V (tidak ada W dalam BT moden); HV: a kekal	BM: Watan, kekal hampir tulen
11	Mukaddesat	HV: u→u; q→k; -āt kekal; adaptasi minimal	BM: Mukadas, ringkasan bentuk
12	İman	HV: î→i; ā→an gugur; ' gugur	BM: Iman, hampir identik BA
13	Ahlak	HV: a kekal; kh→h; q→k; ā gugur	BM: Akhlak, hampir identik BA
14	Hukuk	Penyempitan: -ūq→-uk; Ĥ→H; narrowing kepada bidang akademik	BM: Hukum lebih luas dari BA & BT
15	Emanet	Materialisasi semantik; abstrak→konkrit; -ah→-et	BM: doublet – Amanah (sifat) vs Amanat (objek)
16	Fıtrat	HV: i→ı; -ah→-at	BM: Fitrah, hampir tulen BA
17	Ahiret	HV: ā→a; kh→h; -ah→-et	BM: Akhirat, hampir tulen BA
18	İdrak	HV: i kekal; ā→a	BM: Idrak, kekal hampir tulen
19	Cuma	Pemendekan radikal: J→C; -umu'ah→-uma	BM: Jumaat, lebih dekat BA
20	Ümmet	HV: u→ü (vokal hadapan bulat); -ah→-et	BM: Umat, hampir tulen BA
21	Vahdet	W→V; HV: a→a; Ĥ→h; -ah→-et	BM: Wahdat, lebih dekat BA
22	Tefrika	HV: a→e; q→k; -ah→-a	BM: Tafrikah, lebih dekat BA
23	Hutbe	Kh→H (aspirasi gugur); HV: -ah→-e	BM: Khutbah, kekal konsonan Kh
24	Hakikat	Ĥ→H; HV: î→i; q→k; -ah→-at	BM: Hakikat, hampir tulen BA
25	Ruh	HV: ū→u; Ĥ→h (penggantian minimal)	BM: Roh, hampir tulen BA
26	Mezhep	HV: a→e; dh-dh→z; -b kekal	BM: Mazhab, lebih dekat BA

27	Makam	HV: a kekal; q→k; ā→a; peralihan rujukan	BM: Makam = pangkat & kubur (polisemi berbeza BT)
28	Mevki	Metafoni: aw→ev; ‘ gugur; penyempitan ke jawatan rasmi	BM: Mauki, hampir tulen BA
29	Sahabe	Ş→S; Ĥ→h; -ah→-e; perluasan makna ke kawan am	BM: Sahabat kekal dua makna (Nabi & kawan)
30	Cami	J→C; ā→a; ‘ gugur; narrowing ke bangunan sahaja	BM: Jamek = masjid Jumaat (pinjaman lebih spesifik)
31	Mescit	HV: a→e; j→c; -d→-t (penyahmangian)	BM: Masjid, kekal tulen BA
32	Kıble	Q→K; HV: i→ı; -ah→-e	BM: Kiblat, -ah→-at (konservatif)
33	Secde	HV: a→e; j→c; -ah→-e	BM: Sujud (dari BA sujūd, berbeza dari BT)
34	Azap	‘ gugur; dh→z; ā→a; -b kekal	BM: Azab, hampir tulen BA
35	İbadet	‘ gugur; HV: i kekal; ā→a; -ah→-et	BM: Ibadah, hampir tulen BA
36	Rıza	HV: i→ı; ğ→z; ā→a	BM: Reda, hampir tulen BA
37	Zekât	HV: a→e; -āh→-ât (sirkumfleks vokal panjang)	BM: Zakat, hampir tulen BA
38	Sadaka	Ş→S; HV: a→a; -ah gugur akhir	BM: Sedekah, -ah→-eh (adaptasi vokal)
39	Ömür	‘ gugur; HV: u→ö (vokal hadapan bulat)	BM: Umur, hampir tulen BA
40	Bereket	HV: a→e; -ah→-et	BM: Berkat, -ah→-at (konservatif)
41	Hac	Ĥ→H; -jj→-c (penyederhanaan konsonan ganda)	BM: Haji, hampir tulen BA
42	Umre	‘ gugur; HV: u kekal; -ah→-e	BM: Umrah, hampir tulen BA
43	Teslimiyet	HV: a→e; ī→i; akhiran -yet ditambah (aglutinatif)	BM: Taslim, lebih dekat BA
44	Şuur	Sh→Ş; ‘ gugur; ū→u; sekularisasi kognitif	BM: Syuur kekal dimensi rohani
45	Tövbe	HV: aw→ö (unik – vokal hadapan bulat); -ah→-e	BM: Taubat, -ah→-at (konservatif)
46	Kurbiyyet	Q→K; HV: u kekal; -iyyah→-iyyet (aglutinatif)	BM: Kurbiah, hampir tulen BA
47	Kurban	Q→K; ū→u; ā→a; perluasan ke 'mangsa' am	BM: Korban kekal dalam domain agama sahaja
48	Feda	HV: i→e; ā gugur; ‘ gugur; sekularisasi heroik	BM: Fida lebih kekal makna agama
49	Takva	Q→k; HV: a kekal; -wā→-va	BM: Takwa, hampir tulen BA

50	Maksat	Q→k; Ş→s; ā→a; penyempitan pragmatik	BM: Maksud lebih luas – termasuk 'makna' kata
51	Emir	Pemisahan semantik; BT kekal 'perintah' sahaja	BM: Amir (gelaran) & perintah (arahan) terpisah
52	Vekâlet	W→V; HV: a→e; ā→a; -ah→-et	BM: Wakalah, lebih dekat BA
53	Vakıf	W→V; HV: a kekal; q→k; -f kekal	BM: Wakaf, hampir tulen BA
54	İrade	HV: i kekal; ā→a; -ah→-e	BM: Iradat, hampir tulen BA
55	Tevhid	HV: aw→ev; Ĥ→h; î→i; -d kekal	BM: Tauhid, hampir tulen BA
56	Azamet	‘ gugur; Z→z; HV: a→e; -ah→-et	BM: Azamat, -ah→-at (konservatif)
57	Tevekkül	HV: aw→ev; u→ü; -ul→-ül (vokal hadapan bulat)	BM: Tawakal, lebih dekat BA
58	Tedbir	HV: a→e; î→i; penyempitan kepada langkah tertentu	BM: Tadbir lebih luas dari BT
59	Takdir	Q→k; HV: a kekal; î→i; sekularisasi: İlâhî→evaluasi	BM: Takdir kekal makna teologis sepenuhnya
60	Hikmet	Ĥ→H; HV: i kekal; -ah→-et	BM: Hikmah, hampir tulen BA

Jadual A.4c: Pasangan Kognat Palsu / Divergensi Semantik

Bilangan entri Kognat Palsu yang disahkan daripada Jadual A.1: Bil. 9 (Millet) dan Bil. 15 (Emanet) SAHAJA. Sumber asal (Jadual A.4c) menyatakan tajuk '3 Entri (5%)' dan teks 'Tiga entri berikut...', tetapi hanya DUA kad butiran sebenarnya didokumentasikan dalam jadual tersebut. Percanggahan ini dikekalkan secara telus dalam Laporan Integriti Data di bawah.

FALSE - Bil. 9 | Millet (BT) ↔ Milat (BM) | Asal BA: ملّة (Millah)

Medan	Kandungan
Makna Asal BA	Komuniti agama; syariat; umat beragama
Makna BT (TDK)	Bangsa; negara bangsa (Nation) – sekular
Makna BM (DBP)	Umat agama; komuniti Islam
Adaptasi BT (sifat divergensi)	Sekularisasi total: -ah→-et; komuniti→bangsa
Adaptasi BM (sifat divergensi)	BM: Milat kekal makna sakral
Domain	Pentadbiran / Sosial
Sifat divergensi semantik	Sekularisasi total (komuniti agama → bangsa sekular)
Implikasi terjemahan/pedagogi	Risiko tertinggi dalam wacana kebangsaan/keagamaan Turki kontemporari (cth. 'Millî Eğitim'); penterjemah/pelajar Melayu-Arab berisiko mengekalkan

	konotasi sakral pada teks yang sebenarnya sekular sepenuhnya dalam BT.
--	--

FALSE - Bil. 15 | Emanet (BT) ↔ Amanah / Amanat (BM) | Asal BA: أمانة (Amānah)

Medan	Kandungan
Makna Asal BA	Integriti moral; sifat amanah; kepercayaan (abstrak)
Makna BT (TDK)	Barang titipan; simpanan; cloakroom (konkrit)
Makna BM (DBP)	Amanah=integriti; Amanat=pesanan/titipan
Adaptasi BT (sifat divergensi)	Materialisasi semantik; abstrak→konkrit; -ah→-et
Adaptasi BM (sifat divergensi)	BM: doublet – Amanah (sifat) vs Amanat (objek)
Domain	Pentadbiran / Agama
Sifat divergensi semantik	Materialisasi semantik (integriti moral abstrak → objek konkrit)
Implikasi terjemahan/pedagogi	Satu perkataan Turki tunggal (Emanet) memetakan kepada dua konsep berasingan dalam BM (Amanah vs Amanat); pemilihan padanan bergantung sepenuhnya kepada konteks (abstrak/sifat vs konkrit/objek).